

## BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Pengajian Pakaian 3767/2 mengandungi 5 soalan. Calon dikehendaki menjawab empat soalan sahaja.

## PRESTASI KESELURUHAN

Secara keseluruhannya prestasi calon adalah pada tahap sederhana. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan berbentuk pengiraan dengan baik. Namun terdapat calon yang kurang menguasai kemahiran berkaitan Elemen dan Prinsip Seni Reka Pakaian.

## PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

### Calon Dalam Kumpulan Tinggi

Hampir semua calon memilih untuk menjawab soalan berbentuk pengiraan. Calon menguasai dengan baik soalan sedemikian. Calon juga dapat menunjukkan jalan kira dan langkah pengiraan dengan lengkap serta tepat. Sebahagian besar calon berjaya mendapat markah yang maksima bagi soalan tersebut. Kebanyakan calon juga dapat menguasai aspek Kajian Fabrik berbanding Elemen dan Prinsip Seni Reka Pakaian.

### Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Kebanyakan calon dalam kumpulan ini cenderung memilih soalan berbentuk pengiraan. Calon masih mendapat skor yang agak tinggi walaupun tidak mendapat markah maksima jika dibandingkan pencapaian dengan soalan lain. Ramai calon mendapat skor yang agak baik bagi soalan 4 iaitu soalan mengenai Elemen Seni Reka Pakaian.

### Calon Dalam Kumpulan Rendah

Hampir keseluruhan calon memilih soalan berbentuk pengiraan tetapi terdapat calon yang gagal mendapatkan markah yang baik kerana banyak melakukan kesilapan. Hampir semua calon dapat mengira kos bahan dengan tepat tetapi gagal mempamerkan langkah pengiraan seterusnya dengan betul. Calon tidak menunjukkan pengiraan kos bahan dalam bentuk jadual sebagaimana yang sepatutnya. Prestasi calon juga tidak memberangsangkan terutama dalam menjawab soalan berkaitan aspek Elemen dan Prinsip Seni Reka Pakaian. Calon tidak faham istilah atau prinsip perpaduan yang terdapat dalam rajah yang diberikan. Calon gagal mengaplikasikan prinsip dan elemen dalam sesuatu rekaan dengan baik.

## PRESTASI TERPERINCI

### Soalan 1

Calon memahami konsep pengulangan dalam Prinsip Seni Reka Pakaian dengan baik dan kebanyakannya dapat menyatakan ciri stail yang betul pada rompi 1 (X).

Calon tidak memahami konsep perpaduan dalam Prinsip Seni Reka Pakaian dengan baik dan kebanyakannya tidak dapat menyatakan ciri stail yang betul pada rompi 1(X).

Kebanyakan calon tidak dapat menerangkan perbezaan prinsip keseimbangan diantara rompi X dan Y dalam Rajah 1.

## **Soalan 2**

Ramai calon membuat kesilapan dengan menyatakan satu senarai ciri tekstur fabrik yang sama untuk kedua-dua blaus dan skirt sedangkan soalan berkehendakkan jawapan yang berlainan untuk kedua-dua pakaian itu.

Calon yang membuat kesilapan pada soalan 2(a) turut memberi kesan kepada jawapannya pada soalan 2b. Ini menyebabkan ramai calon kehilangan markah di bahagian ini.

Kebanyakan calon dapat menyenaraikan tiga ciri tekstur yang sesuai untuk tali pinggang dalam Rajah 2. Ini menunjukkan calon faham dengan baik peranan dan kesan elemen tekstur dalam Seni Reka Pakaian.

## **Soalan 3**

Soalan ini merupakan soalan yang tidak digemari calon berbanding soalan lain. Lebih dari separuh calon yang menjawab soalan 3a(i) dan 3a(ii) tidak dapat memberikan jawapan yang lengkap. Segelintir calon tidak dapat mengenal pasti rajah pembinaan fabrik. Calon berkenaan tidak dapat melihat perkaitan antara jenis pembinaan dan ciri-ciri fabrik.

Tidak ramai calon dapat menjawab soalan 3b dengan baik. Jawapan yang diberikan oleh kebanyakan calon adalah tidak lengkap. Ini sekali lagi menunjukkan calon ini tidak dapat melihat perkaitan antara jenis pembinaan dan ciri-ciri fabrik.

Ramai calon tidak dapat memberikan jawapan yang memuaskan untuk soalan 3c. Calon jelas tidak memahami cara pembinaan fabrik tanpa tenun.

## **Soalan 4**

Ramai calon tidak menyatakan nama jenis corak geometri dengan betul dan tepat. Hampir semua calon tidak menerangkan atau memberi cadangan tentang cara menyusun corak geometri pada blaus untuk kedua-dua bentuk badan X dan Y seperti yang dikehendaki oleh peraturan pemarkahan. Ini turut menyebabkan calon tidak dapat menjawab a (ii) dengan betul. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan 4b dengan baik tetapi lakaran stail pakaian kurang menarik.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan 4c dengan baik. Mereka dapat mencadangkan warna yang sesuai untuk seorang yang mempunyai bentuk badan tinggi dan kurus serta menerangkan dengan baik efeknya pada bentuk badan itu.

## **Soalan 5**

Soalan ini merupakan soalan yang paling digemari oleh calon. Hampir kesemua calon memilih untuk menjawab soalan ini. Kebanyakan mereka dapat memberikan jawapan yang baik dan mendapatkan skor yang baik bagi soalan ini. Namun begitu terdapat calon yang kurang teliti dalam menulis unit ukuran seperti RM, jam dan lain-lain. Ada calon yang tidak dapat membezakan antara tambah harga dan peratus tambah harga. Segelintir calon gagal mendapatkan markah yang baik bagi soalan ini adalah disebabkan oleh kesilapan pengiraan pada peringkat awal dan seterusnya menjejaskan keseluruhan jawapan.

### **SARANAN KEPADA CALON**

1. Calon haruslah banyak membaca, memahami konsep dan menghafal isi kandungan mata pelajaran ini lebih lagi tajuk Seni Reka Pakaian dan Kajian Fabrik.
2. Calon hendaklah memahami setiap istilah dan kata tugas dengan baik.
3. Calon perlu banyak bertanya, rajin membuat latih tubi dan menjawab menggunakan teknik yang betul.
4. Calon harus mahir mengaplikasikan pengetahuan aspek teknologi ke dalam amali dan sebaliknya.
5. Calon perlu banyak mengumpul maklumat dan pengetahuan melalui pembacaan samada dalam bentuk buku atau majalah, membuat lawatan ke butik, pameran dan pertunjukan fesyen.

### **SARANAN KEPADA GURU**

1. Guru hendaklah memastikan bahawa calon faham semua isi kandungan pelajaran dengan baik.
2. Guru perlu menerangkan setiap konsep dan istilah dengan jelas.
3. Guru perlu menerangkan maksud setiap kata tugas dengan jelas kepada calon.
4. Guru perlu mempelbagaikan contoh serta Bahan Bantu Mengajar agar calon lebih berfikiran terbuka dan kreatif dalam menyampaikan ideanya.
5. Banyakkan latih tubi dan selalu menguji konstruk dalam beberapa blok kemahiran yang berlainan.
6. Guru perlu banyak membuat rujukan dari pelbagai sumber selain buku teks.
7. Guru hendaklah membimbing calon supaya dapat menjawab soalan dengan teknik yang betul.
8. Guru perlu mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang Pengajian Pakaian terutamanya aspek Reka Cipta Pakaian.